

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 DECEMBER 2016

## Najib, Mahathir tidak terlibat kes liwat II

UM - 22/12/2016

**KUALA LUMPUR 21 Dis.** - Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menegaskan, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak terlibat dalam kes liwat II melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, hal ini kerana kedua-dua pemimpin tersebut langsung tidak dipanggil oleh pihak polis bagi membantu siasatan berhubung kes tersebut.

"Tun (Dr. Mahathir) bukan di belakang (bukan perancang) kes liwat ini dan kes itu telah disiasat oleh pihak polis. Tun tidak dipanggil ke mahkamah, begitu juga Perdana Menteri (Najib)," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



**MUSA HASSAN**

Sidang akhbar itu bagi menafikan fitnah yang dilemparkan oleh pengendali portal, Raja Petra Kamarudin di dalam artikel *How Mukhriz Is Going To Become Prime Minister* yang mendakwa beliau dan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail perancang kepada kes liwat II.

Di dalam artikel yang dimuat naik di *Malaysia Today* pada 15 Disember itu turut menyatakan bahawa Musa dan Abdul Gani merupakan 'anjing peliharaan' kepada Dr. Mahathir.

Mengulas lanjut, Musa berkata, dakwaan bahawa wujud konspirasi di dalam kes liwat Anwar adalah satu fitnah jahat yang bertujuan menjatuhkan maruah beliau.

Beliau turut menegaskan, pen-

jawat awam di negara ini bukan 'anjing suruhan' kepada mana-mana orang politik, sebaliknya segala tindakan diambil bagi membantu kerajaan dijalankan mengikut polisi yang ditetapkan.

Justeru, beliau memberi masa selama 14 hari kepada Raja Petra untuk menarik semula artikel tersebut dan memohon maaf, namun jika gagal berbuat demikian satu laporan polis akan dibuat serta disusuli dengan tindakan perundangan.

"Di dalam kes jenayah apabila seseorang membuat laporan polis, siasatan perlu dijalankan dan jika didapati orang berkenaan terlibat polis perlu mengambil tindakan dan janganlah hal ini dipolitikkan seperti orang ini dianiaya kerana semuanya sudah dibicarakan di mahkamah.

"Tidak berbangkit fakta tentang penganiayaan dan konspirasi (dalam kes liwat Anwar di mahkamah), ini adalah satu fitnah yang paling jahat," tegas beliau.